



MELINDUNGI APA YANG TELAH AWDA BINA: TAKAFUL DAN INSURANS BAGI PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS)

Sempena Hari Celik Kewangan Kebangsaan (NFLD) 2026, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin mengambil kesempatan ini untuk menggalakkan PMKS agar mempertimbangkan salah satu aspek penting dalam membina daya tahan kewangan — iaitu bersedia menghadapi perkara yang tidak dijangka. Kejadian yang tidak dijangka boleh menjejaskan operasi perniagaan dan mengakibatkan kerugian kewangan yang besar. Takaful dan insurans dapat membantu PMKS mengurus risiko tersebut, melindungi perniagaan mereka dan bangkit semula daripada kejadian yang tidak dijangka.

Kepentingan Perlindungan bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

Sebagai permulaan, apakah perbezaan antara takaful dan insurans? Kedua-duanya mempunyai tujuan yang serupa — iaitu menyediakan perlindungan kewangan terhadap risiko tertentu, tertakluk kepada terma dan syarat masing-masing — namun cara kedua-duanya berfungsi adalah berbeza. Takaful berasaskan konsep perkongsian risiko dan kerjasama bersama, di mana perniagaan, sebagai peserta takaful, menyumbang kepada dana bersama yang kemudiannya digunakan untuk memberikan pampasan apabila berlaku kejadian yang dilindungi. Insurans pula menyediakan perlindungan kewangan dengan memindahkan risiko daripada perniagaan kepada syarikat insurans. Perniagaan membayar premium bagi mendapatkan perlindungan tersebut dan, jika berlaku kejadian yang dilindungi, syarikat insurans boleh membayar tuntutan.

Sama ada awda menjalankan perusahaan mikro atau sebuah syarikat yang sedang berkembang, setiap PMKS terdedah kepada pelbagai risiko yang boleh menjejaskan operasinya seperti kebakaran, kecurian atau kehilangan individu utama dalam perniagaan. Bagi perniagaan yang lebih kecil, impak risiko tersebut boleh menjadi lebih besar disebabkan oleh sumber yang terhad dan pelan kontingensi yang tidak mencukupi, yang boleh menyukarkan proses pemulihan, terutamanya apabila berdepan dengan tekanan aliran tunai.

Walaupun tidak semua kejadian dapat dielakkan, perlindungan takaful atau insurans yang bersesuaian dapat membantu mengurangkan impak kewangan akibat kejadian yang tidak dijangka serta menyokong pemulihan perniagaan. Ia tidak seharusnya dilihat semata-mata sebagai kos tambahan, tetapi sebagai satu langkah pengurusan risiko yang praktikal untuk membantu operasi perniagaan, menyokong pertumbuhan dan membina daya tahan jangka panjang.

Pemilihan perlindungan yang bersesuaian adalah penting kerana setiap PMKS menghadapi risiko yang berbeza mengikut saiz, operasi dan industri masing-masing. Oleh itu, PMKS perlu menilai keperluan, pendedahan risiko, peruntukan kewangan dan nilai-nilai perniagaan dalam menentukan jenis dan tahap perlindungan yang diperlukan.

Di Negara Brunei Darussalam, PMKS boleh mempertimbangkan pelbagai jenis produk insurans dan takaful bagi membantu melindungi perniagaan mereka. Ini termasuk perlindungan harta perniagaan, kenderaan komersial, siber dan liabiliti, serta pampasan pekerja. PMKS juga boleh mempertimbangkan perlindungan pembiayaan perniagaan, kesihatan kumpulan dan individu utama (key person) atau insurans/takaful bertempoh, bergantung pada keperluan dan risiko perniagaan masing-masing.



**NATIONAL
FINLIT DAY**

Setiap perniagaan berdepan dengan ketidakpastian, namun mengambil langkah proaktif untuk mengurus risiko dapat membantu perniagaan menghadapi cabaran yang tidak dijangka dengan lebih baik. Dengan memahami peranan takaful dan insurans serta mempertimbangkan perlindungan yang paling sesuai dengan keperluan perniagaan, PMKS dapat memperkukuh daya tahan kewangan, melindungi sumber pendapatan dan meneruskan operasi dengan lebih yakin apabila berdepan dengan cabaran yang tidak dijangka.

Hari Celik Kewangan Kebangsaan ialah acara tahunan celik kewangan yang diterajui oleh Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dan disokong oleh Majlis Kebangsaan Celik Kewangan (MKCK). Antara objektif acara ini adalah untuk:

1. Meningkatkan tahap celik kewangan di Negara Brunei Darussalam;
2. Menggalakkan pengurusan kewangan secara bijak; dan
3. Meningkatkan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan di Negara Brunei Darussalam.

Bersama-sama kita membina masyarakat yang celik dan berdaya tahan dari segi kewangan.